

BULETIN 2018




BPPA



BAHAGIAN PERUNDINGAN PENGURUSAN ASET • CAWANGAN PERANCANGAN ASET BERSEPADU

**AMALAN TERBAIK PENYENGGARAAN PRO AKTIF KE ARAH
PEWUJUDAN ASET BERPRESTASI TINGGI**



4 **SLOT KHAS:** Temubual bersama Pengarah BPPA

12 **NAFAM 2018:** Konvensyen Pengurusan Aset dan Fasiliti Negara (NAFAM) 2018

14 **SEMINAR TAHUNAN:** Seminar on Proactive Maintenance for Designers 2018

29 **PENERBITAN BPPA 2018:** Sistem Kod Aset Tak Alih (SKATA) Ver. 2.0

34 **SEKALUNG BUDI:**
Ir. Hj. Mohd Sabri Bin Mat Deris

Tinta Ketua Editor



**Bismillahirrahmanirrahim,
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,**

Alhamdulillah, bersyukur saya ke hadrat Illahi dengan limpah kurnia dan hidayah-Nya dapat juga Buletin BPPA disempurnakan bagi tahun 2018. Sekalung penghargaan, penghormatan dan tahniah diberikan kepada Ahli Sidang Redaksi BPPA atas berkat usaha dan perkhidmatan yang tidak mengenal erti jemu dan penat dalam menyiapkan wadah yang cukup bermakna ini.

Buletin ini telah menyemadikan banyak kenangan dan aktiviti-aktiviti warga Bahagian Perundingan Pengurusan Aset (BPPA) sepanjang Tahun 2018 disamping informasi berkaitan Pengurusan Aset dan Fasiliti. Semoga buletin ini memberi manfaat kepada pembaca serta lebih mengenali warga serta fungsi Bahagian Perundingan Pengurusan Aset dengan lebih dekat.

Sebelum saya menutup tirai, saya ingin memohon maaf atas segala kesilapan dan kekurangan dalam menghasilkan Buletin BPPA 2018. Sesungguhnya, segala yang baik itu datangnya dari Allah S.W.T. Akhir kata saya mendoakan agar semua warga BPPA terus cemerlang di masa hadapan. Sekian, terima kasih.

DARI PENA KETUA EDITOR
Ir. Siti Norleha Binti Rasid

MENARIK DI DALAM

- | | |
|--|---|
| <p>2 Tinta Ketua Editor</p> <p>3 Perutusan Pengarah Kanan CPAB</p> <p>4 SLOT KHAS
Temubual bersama Pengarah BPPA</p> <p>6 Pengenalan & Latar Belakang BPPA</p> <p>7 Carta Organisasi BPPA</p> <p>SEMINAR BPPA 2018</p> <ul style="list-style-type: none"> - Konvensyen Pengurusan Aset dan Fasiliti Negara (NAFAM) 2018 - Seminar on Proactive Maintenance for Designers 2018 <p>15 Aktiviti BPPA 2018</p> | <p>26 Jpedia WikiAset & Portal JPAK</p> <p>27 Lensa BPPA (Program Motivasi dan Integriti, Majlis Perpisahan dan Persaraan, Majlis Ceramah Agama dan Sambutan Hari Raya)</p> <p>29 Produk Terkini</p> <p>30 Artikel</p> <p>32 Penerima Anugerah Professional 2018, Anugerah Tokoh Cawangan 2017 dan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2017</p> <p>34 SEKALUNG BUDI – Ir. Hj. Mohd Sabri Bin Mat Deris</p> <p>35 EKSA BPPA</p> |
|--|---|

SIDANG REDAKSI

Penaung Ir. Ab. Hamid bin Hj. Md. Daud (Pengarah Kanan CPAB) **Penasihat** Ir. Harjit Singh a/l Inder Singh (Pengarah BPPA) **Ketua Editor** Ir. Siti Norleha Binti Rasid **Penolong Ketua Editor** Pn. Wan Norisa Binti Wan Yusoff • Pn. Diana Humaira binti Luke Embah • Pn. Siti Sabariah binti Mohd Noor **Sidang Pengarang** Ir. Asrul Affendi Bin Jamilus • En. Ahmad Fikri Bin Mohamed Omar • Ir. Lai Shien Nang • En. Samsuwadiherman Bin Yusof • Ir. Kanita Foo Chai • Pn. Nor Islahiah Binti Hashim • En. Ahmad Asmizi Bin Abd. Ghani • Pn. Siti Safura Binti Jamaludin • En. Noor Hashim Bin Mohamad • Pn. Nurul Haya Binti Ismail • Pn. Rozia Hanif binti Mohd Daim • En. Nor Azizi Bin Abd. Aziz • En. Shahrizal Bin Abd. Halim • En. Adnan bin Abd. Aziz • Pn. Nor Husna Binti Mokhtar

Perutusan Pengarah Kanan CPAB

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang.

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Syukur Alhamdulillah ke hadrat Allah s.w.t. kerana dengan limpah kurnia, taufik, hidayah serta inayahNya kita masih berada dalam keadaan sihat dan sejahtera dalam lindunganNya.

Saya juga mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada seluruh warga Bahagian Perundingan Pengurusan Aset (BPPA) yang telah memberikan komitmen yang tinggi dalam menjayakan semua program dan aktiviti yang dirancang pada tahun 2018.

Peranan utama untuk mencapai Matlamat, Visi dan Misi BPPA tahun 2018 menjurus kepada penganjuran seminar pengurusan fasiliti seperti Seminar Proactive Maintenance for Designers (DfM) dan Konvensyen National Asset and Facility Management (NAFAM), aktiviti peluasan pengurusan aset kerajaan, bengkel, penerbitan Sistem Kod Aset Tak Alih Ver. 2.0 kursus-kursus mySPATA, pengurusan ruang dan kursus-kursus yang berkaitan juga turut diadakan sepanjang tahun sebagai usaha memantapkan lagi kompetensi dan kepakaran kakitangan BPPA demi memberikan khidmat yang terbaik kepada rakyat khasnya dan Negara amnya.

Segala usaha untuk memantapkan Sistem Pengurusan Aset Kerajaan harus terus dibangunkan selaras dengan perkembangan semasa negara dan adalah diharapkan penerbitan Buletin BPPA 2018 ini dapat memberi maklumat berkenaan perkhidmatan yang disediakan serta maklumat terkini berkenaan aktiviti jabatan.



Akhir kata, saya ingin merakamkan setinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang memberi sumbangan ke arah penerbitan Buletin BPPA 2018 ini dan semoga BPPA akan terus cemerlang pada tahun-tahun yang akan datang.

Sekian, terima kasih.

Ir. Ab Hamid Bin Hj. Md Daud
Pengarah Kanan
Cawangan Perancangan Aset Bersepadu
Ibu Pejabat JKR Malaysia

SLOT KHAS



**Temubual bersama
Pengarah BPPA
Ir. Harjit Singh a/l Inder Singh**

“ Semua warga BPPA perlu bekerjasama antara satu sama lain dan tidak hanya fokus pada bidang-bidang dan kepakaran tertentu sahaja. Setiap pegawai perlu meneroka dan melibatkan diri dalam pelbagai bidang lain di luar kepakaran mereka sekaligus dapat mewujudkan suasana percambahan fikiran dan idea yang sihat di antara unit dan kakitangan di BPPA **”**

Salam sejahtera tuan Pengarah. Pertama kali kami ucapkan terima kasih kerana sudi meluangkan masa dari kesibukan jadual harian tuan untuk temubual ini. Sebagai Pengarah baru BPPA, boleh tuan terangkan keutamaan atau fokus tuan dalam mengemudi bahagian ini?

Bagi saya, perkara utama dalam agenda saya di sini adalah untuk mewujudkan kerjasama di antara semua pegawai dan kakitangan di BPPA. Ini adalah penting bagi mewujudkan suasana harmoni agar percambahan fikiran dan idea untuk memastikan ilmu pengetahuan dan kepakaran yang dimiliki perlu diambilkira serta diperhalusi dalam penghasilan sesuatu dokumen atau polisi. Semua dokumen dan polisi yang dihasilkan mestilah jelas serta selaras antara satu sama lain bagi memastikan ianya mudah difahami untuk digunakan oleh semua kementerian dan agensi.

Memandangkan pentingnya bidang pengurusan aset dan visi BPPA pula untuk menjadi pusat kecemerlangan dalam bidang pengurusan aset, apakah perancangan tuan selanjutnya supaya BPPA terus memainkan peranan penting dalam hal ini?

BPPA telahpun membangunkan banyak garis panduan dan juga pekeliling berkaitan pengurusan aset. Tumpuan saya sekarang adalah untuk memastikan dokumen-dokumen ini digunakan dalam prosedur kerja agensi-agensi kerajaan. Selain itu, penambahbaikan akan dilakukan dari semasa ke semasa berdasarkan maklumbalas yang diterima serta selaras dengan perkembangan semasa dan teknologi terkini.

Tuan ada menyatakan bahawa prosedur yang dibangunkan oleh BPPA ini akan digunakan oleh agensi kerajaan. Apakah langkah-langkah yang telah dibuat bagi memastikan program ini tercapai?

Bagi memastikan prosedur ini digunakan, dipatuhi dan difahami, BPPA telah melaksanakan aktiviti peluasan ke kementerian-kementerian dan agensi-agensi untuk menerangkan berkaitan tatacara pengurusan aset kerajaan. Selain daripada itu, BPPA juga menjalankan aktiviti *Train the Trainers* (TTT) bagi mendidik wakil kementerian dan agensi untuk menjadi perantara BPPA dalam perlaksanaan pengurusan aset di kementerian dan agensi berkaitan.

Kesedaran tentang kepentingan pengurusan aset dalam negara ketika ini masih kurang diambil perhatian. Apakah langkah-langkah yang telah dibuat bagi meningkatkan kesedaran ini?

Bagi meningkatkan lagi kesedaran berkaitan kepentingan pengurusan ini, BPPA telah melaksanakan beberapa program, seminar dan perkongsian ilmu yang melibatkan penceramah dari dalam dan luar negara. Sebagai contoh,

BPPA telah mengadakan seminar *Proactive Maintenance for Designer* yang diadakan pada bulan 4 dan 5 September telah berjaya menarik penyertaan seramai 150 orang. Seminar ini bertujuan untuk menerapkan kesedaran kepentingan rekabentuk yang mengambilkira elemen-elemen Pengurusan Aset Menyeluruh yang meliputi keseluruhan jangka hayat aset.

Selain daripada itu, BPPA juga terlibat dalam penganjuran Konvensyen Pengurusan Aset dan Fasiliti Negara (NAFAM 2018) yang telah diadakan pada 8 dan 9 Oktober lalu. Konvensyen ini telah menarik minat lebih daripada 1200 orang peserta dan penceramah yang terlibat terdiri daripada penceramah dari dalam dan luar negara.

Sesi dialog juga telah dianjurkan dengan penglibatan pegawai penguasa fasiliti dan penggiat industri pada 12 Oktober yang lalu. Hasil dari maklumbalas yang diterima adalah sangat memberangsangkan dan maklumbalas ini akan diperhalusi untuk menghasilkan atau mengemaskini polisi-polisi pada masa hadapan. Ini bagi memastikan polisi-polisi yang dihasilkan adalah realistik dan bersetujuan dengan mengambilkira situasi sebenar yang dialami oleh penggiat industri.

Apakah perancangan BPPA pada tahun 2019. Mungkin ada sebahagian yang tuan ingin kongsikan bersama.

Fokus utama BPPA sekarang ialah untuk memastikan hasil daripada NAFAM 2018 dapat diterjemahkan dalam bentuk dasar yang berkesan. Antara perkara yang perlu dilihat adalah konsep *monetization* di mana aset-aset kerajaan dapat menjana kewangan sendiri (*self-funding*) bagi tujuan operasi serta penyenggaraan dan seterusnya dapat membantu kewangan negara.

Selain itu, bagi melancarkan lagi pengurusan Aset Tak Alih Kerajaan, usaha akan diteruskan untuk memuktamadkan perbincangan dengan Kementerian Kewangan bagi mewujudkan satu jabatan khas dalam pengurusan aset negara. Selain itu juga, perancangan kerja perlu dibuat dengan lebih teliti dan teratur bagi sepanjang tahun 2019 untuk memastikan usaha-usaha di atas serta lain-lain objektif adalah tercapai.

Akhir kata apakah harapan tuan kepada semua warga BPPA?

Harapan saya adalah untuk melihat semua warga BPPA ialah untuk bekerjasama antara satu sama lain dan tidak hanya fokus pada bidang-bidang dan kepakaran tertentu sahaja. Setiap pegawai perlu meneroka dan melibatkan diri dalam pelbagai bidang lain di luar kepakaran mereka sekaligus dapat mewujudkan suasana percambahan fikiran dan idea yang sihat diantara unit dan kakitangan di BPPA. Suasana ini diharap dapat membantu memastikan objektif BPPA secara khususnya dan CPAB secara amnya dicapai.

Latar Belakang

Bahagian Perundingan Pengurusan Aset, BPPA

MISI

CAW. PERANCANGAN ASET BERSEPADU, CPAB

- + Komited dalam menyediakan perkhidmatan
- + Membangunkan kompetensi dan kapasiti **PENGURUS ASET**, pengurus projek dan **FASILITI** yang cemerlang
- + Memastikan keberkesanan tadbir urus **PENGURUSAN ASET KERAJAAN**

BAHAGIAN PERUNDINGAN PENGURUSAN ASET, BPPA

- + Memberi perkhidmatan secara professional
- + Komited dalam mencapai kecemerlangan melalui Pengurusan Aset Menyeluruh
- + Membangun kecemerlangan modal insan yang kompeten. Kreatif dan inovatif

VISI

CAW. PERANCANGAN ASET BERSEPADU, CPAB


- + Menjadi pusat kecemerlangan dalam bidang aset yang merangkumi pengurusan projek dan FASILITI bagi kemudahan infrastruktur negara

BAHAGIAN PERUNDINGAN PENGURUSAN ASET, BPPA

- + Menjadi pusat kecemerlangan pengurusan aset dan penyenggaraan infrastruktur berteraskan kreativiti dan inovasi modal insan serta teknologi terkini

4
Unit di
BPPA

- 1| UNIT PENGURUSAN ASET KERAJAAN (UPAK)
- 2| UNIT PERUNDING PENGURUSAN ASET MENYELURUH (UPAM)
- 3| UNIT PERUNDING PENGURUSAN FASILITI (UPPF)
- 4| UNIT PEMBANGUNAN KAPASITI & TRANSFORMASI (UPKT)



DIREKTORI BPPA (03-2610 samb..)

PEJABAT PENGARAH BPPA

BIL	NAMA	SAMB	TELEFON BIMBIT	EMEL
1	Ir. HARJIT SINGH A/L INDER SINGH, Pengarah Gred JUSA C	7500	019-3213393	harijt@jkr.gov.my
2	MASDIANA BINTI KAMARUDDIN, Setiausaha Pejabat Gred N29	7501	019-3076182	masdianak@jkr.gov.my

UNIT PERUNDING PENGURUSAN ASET KERAJAAN (UPAK)

BIL	NAMA	SAMB	TELEFON BIMBIT	EMEL
1	KOSONG, Jurutera Pengguna Kanan Gred J54	7625		
2	KOSONG, Setiausaha Pejabat Gred N29			
3	Ir. Dr. AHMAD FIRDAUZ BIN ABDUL MUTALIB, Jurutera Awam Pengguna Gred J52	7507	012-6901037	Firdauz.jkr@1govuc.gov.my
SEKSYEN PERANCANGAN DASAR DAN STRATEGI PAK				
1	Ir. MOHD YUSAINI BIN MOHD YUNUS, Jurutera Awam Gred J44	7539	012-9607397	myusaini.jkr@1govuc.gov.my
2	NOR RAPIDAH BINTI MUSTHAFA, Juruukur Bangunan Gred J44	7795	012-2457642	rapidah.jkr@1govuc.gov.my
3	SITI SAFURA BINTI JAMALUDIN, Juruukur Bangunan Gred J41	7548	012-2148 821	sitisafura.jkr@1govuc.gov.my
4	AMELYA BINTI ABD. JAMEL, Juruukur Bahan J41	8604	014-2771695	amelya@jkr.gov.my
5	RAMLAN BIN IBRAHIM, Penolong Jurutera Mekanikal Gred JA38	8222	012-3370400	ramlan.jkr@1govuc.gov.my
6	YUSRI AMRY BIN NAJIB FAHMY, Penolong Jurutera Mekanikal Gred JA29	8265	012-2777996	yusriamry.jkr@1govuc.gov.my
SEKSYEN PERUNDING TADBIR URUS DAN NAZIRAN AGENSI				
1	KOSONG, Jurutera Awam Kanan Gred J48	7505		
2	MOHAMAD RAHIM AL GHAZI BIN KAMALUDIN, Jurutera Elektrik Gred J44	7546	012-3017793	alghazi.jkr@1govuc.gov.my
3	NOOR HASHIM BIN MOHAMAD, Jurutera Elektrik Gred J41	7769	017-2738356	noorhashim@jkr.gov.my
SEKSYEN PERUNDING PENGURUSAN OPERASI MySPATA				
1	AIDIL SAIFAN BIN ABU BAKAR, Jurutera Elektrik Kanan Gred J48	7866	019-2624771	aidilsaifan@jkr.gov.my
2	ROHIZAD BIN HAMDAN, Juruukur Bahan Gred J44	7886	019-5576296	rohizadh.jkr@1govuc.gov.my
3	JAILANI BIN MOHD HAMIM, Jurutera Mekanikal Gred J41	7658	018-3514 233	jailani.jkr@1govuc.gov.my
4	KOSONG, Penolong Jurutera Elektrik Gred JA38	7636		
5	MAHAMAD ZUBAIDI BIN AWANG ISA, Penolong Jurutera Elektrik Gred JA29	8285	011-4073 0989	Mzubaidi.jkr@1govuc.gov.my
SEKSYEN PEMBANGUNAN APLIKASI SOKONGAN				
1	Sr. SYED MAHADHIR BIN WAN IBRAHIM, Juruukur Bangunan Gred J44	7886	012-8919876	SyMahadhi@jkr.gov.my
2	NOR AZIZI BIN ABDUL AZIZ, Penolong Jurutera Elektrik Gred JA38	7636	013-6776787	NAzizi.jkr@1govuc.gov.my
3	MOHD FIRDHAUZ BIN HARUN, Penolong Jurutera Awam Gred JA29	7636	019-2680921	FirdhauzHarun@jkr.gov.my
SEKSYEN PERUNDING PENDAFTARAN DAN PELUPUSAN ASET				
1	AIEZA BINTI MOHD YUSOP, Jurutera Awam Kanan Gred J48	7583	010-2064146	Aieza.jkr@1govuc.gov.my
2	MOHD ZULKHAIRO BIN AWANG @ HASHIM, Jurutera Mekanikal Gred J44	7658	019-9043000	Mohdzulkhairi@jkr.gov.my
3	NUR' ATIKAH BINTI ZAINAL ABIDIN, Jurutera Elektrik Gred J41	8201	013-7977047	AtikahZa.jkr@1govuc.gov.my
4	NURUL HAYA BINTI ISMAIL, Juruukur Bangunan Gred J41	8201	012-7362759	nurulhaya.jkr@1govuc.gov.my
UNIT PERUNDING PENGURUSAN ASET MENYELURUH (UPAM)				
BIL	NAMA	SAMB	TELEFON BIMBIT	EMEL
1	Ir. HJ. MOHD ILHAM BIN IDRUS, Jurutera Awam Pengguna Kanan Gred J54	7627	012-3115752	Ilhami.jkr@1govuc.gov.my
2	NURMAIZATULHIKMAH BINTI HASAN, Setiausaha Pejabat Gred N19	7187	014-9556527	Nurmaizatulh.jkr@1govuc.gov.my
3	Ir. LAI SHIEN NANG, Jurutera Awam Kanan Gred J52	7599	019-4751161	SNLai.jkr@1govuc.gov.my
SEKSYEN PEMBANGUNAN STANDADISASI PAM DAN PELAN STRATEGI PENGURUSAN ASET (PSPA)				
1	AZRUL HANIF BIN AB HALIM, Jurutera Awam Kanan Gred J48	7553	019-9878804	azrulhanif@jkr.gov.my
2	NORAZRIN BINTI MOHD KAMARUDZAMAN, Juruukur Bangunan Gred J44	7241	012-6988166	norazrin@jkr.gov.my
3	NOOR AZILA BINTI IDRIS, Penolong Pegawai Senibina Gred JA36	7241	017-3274858	azila.jkr@1govuc.gov.my
SEKSYEN PERUNDING REKABENTUK PENYENGGARAAN PROAKTIF				
1	NOORSYARINI ROSARIA BINTI NOORDIN, Jurutera Awam Kanan Gred J48	7514	019-5599707	syarini.jkr@1govuc.gov.my
2	NAOMI ANAK ANDREW BALING, Jurutera Awam Gred J44	7515	016-8607601	naomi@jkr.gov.my
3	NURUL AIN BINTI SALIM, Jurutera Awam Gred J41	7643	012-4167505	nurulains@jkr.gov.my
4	AHMAD KHAIRUDDIN BIN ABDUL RAHMAN, Penolong Jurutera Elektrik JA38		019-2242789	ahmadkar.jkr@1govuc.gov.my
5	ZALINAH BINTI ABU SEMAN, Penolong Pegawai Senibina Gred JA36	8811	011-1935 3612	zalinah.jkr@1govuc.gov.my
6	ROZIYANI BINTI MOHD FAUZI, Penolong Pegawai Urkurban Gred JA36		012-3095354	roziyani.jkr@1govuc.gov.my
SEKSYEN PERUNDING PENGURUSAN RUJANG DAN BANGUNAN WARISAN				
1	KOSONG, Arkitek Kanan Gred J48	7558		
2	JUNAIDAH BINTI ROSLI, Arkitek Gred J44	7624	019-3248644	JUNAIDAH.R.jkr@1govuc.gov.my
3	Ar. INTAN ELYANA BINTI MOHD HELMI, Arkitek Gred J44	8682	019-3324863	elyana.jkr@1govuc.gov.my
4	NUR SHAFIQA BINTI BAHARIN, Arkitek Gred J41	7624	017-2824056	nshafiqqa@jkr.gov.my
5	MOHAMMAD SYED AZHIM BIN MOHD KASSIM, Pen Pegawai Senibina Gred JA29	7543	019-3799745	Syedazhim.jkr@1govuc.gov.my
SEKSYEN PERUNDING PENILAIAN DAN PENARAFAN ASET				
1	Ir. SALAWATI BINTI SALLAN, Jurutera Awam Kanan Gred J48	7632	017-7540426	salawatis@jkr.gov.my
2	NOR ISLAHIAH BINTI HASHIM, Juruukur Bangunan Gred J44	7643	019-2711767	Norislahiah.jkr@1govuc.gov.my
3	NIK SHAM FAISA BIN MADZLAN, Juruukur Bangunan Gred J41	7639	011-10155303	niksham@jkr.gov.my
4	HUONG HOW CHUANG, Penolong Jurutera Awam Gred JA29		011-11345955	howchuang@jkr.gov.my

DIREKTORI BPPA (03-2610 samb..)



BAHAGIAN PERUNDINGAN PENGURUSAN ASET
CAWANGAN PERANCANGAN ASET BINA BUMI

UNIT PERUNDING PENGURUSAN FASILITI (UPPF)

BIL	NAMA	SAMB	TELEFON BIMBIT	EMEL
1	NORRASMI BIN MOHAMED, Jurutera Mekanikal Penguasa Kanan Gred J54	7626	019-9963737	norrasmi@jkr.gov.my
2	MUHAMAD AIROLL' AZHAR BIN MOHD DIN, Setiausaha Pejabat Gred N29	8282	012-2379193	AirolAzhar@jkr.gov.my
3	FADZILAH BINTI SULAIMAN, Jurutera Awam Penguasa Gred J52	7506	019-2028328	fadzilah.s.jkr@1govuc.gov.my

SEKSYEN PEMBANGUNAN STANDADISASI FM - PELAN PENGURUSAN FASILITI (FMP)

1	Ir. MOHD FADHLIN BIN ARSHAD, Jurutera Elektrik Kanan Gred J48	7185	012-2122049	fadhlin.jkr@1govuc.gov.my
2	MOHAMAD FAIZAL BIN SABUAN, Jurutera Elektrik Gred J44	7538	017-2309845	mfaizals@jkr.gov.my
3	Sr. NORIZAN BINTI MAHMUD, Juruukur Bangunan Gred J44	8507	012-3369288	norizanmd@jkr.gov.my
4	SYAHRUL NIZAM BIN MOHAMMAD, Penolong Jurutera Mekanikal Gred JA36	8304	019-2693201	syahrul.n.jkr@1govuc.gov.my
5	NOR HUSNA BINTI MOKHTAR, Penolong Jurutera Awam Gred JA29	8119	017-4009427	norhusna@jkr.gov.my

SEKSYEN PERUNDING STANDADISASI KONTRAK FASILITI

1	Sr. MADIAH BINTI EMBONG, Juruukur Bahan Kanan Gred J48	7613	016-4162678	Madiah.jkr@1govuc.gov.my
2	NOOR AZIZAH BINTI MAJID, Juruukur Bahan Gred J44	7599	013-3884798	NoorAzizah.jkr@1govuc.gov.my">NoorAzizah.jkr@1govuc.gov.my
3	AHMAD ASMIZI BIN ABD GHANI, Juruukur Bahan Gred J44	8621	012-5997346	asmizi@jkr.gov.my
4	NURUL JANNAH BINTI HAMZAH, Juruukur Bahan Gred J41	8620	013-3151734	nuruljannah.jkr@1govuc.gov.my
5	MOHD ADNAN BIN YOB, Penolong Jurutera Mekanikal Gred JA29	8304	013-7576049	AdnanYob.jkr@1govuc.gov.my

SEKSYEN PERUNDING TEKNOLOGI PENYENGGARAAN FASILITI

1	Ar. MOHD NURHAMLI BIN MOHD THANI RETNAM, Arkitek Gred J48	7798	012-6148615	nurhamli.jkr@1govuc.gov.my
2	AHMAD FAZLI BIN MOHAMAD NOR, Jurutera Mekanikal Gred J44	8396	013-2429586	ahmadfazli.jkr@1govuc.gov.my
3	NORASHIKIN BINTI AKHAR @ KHAIRUDDIN, Juruukur Bangunan Gred J41	7529	019-3426627	norashikin@jkr.gov.my
4	ROZIA HANIM BINTI MOHD DAIM, Penolong Jurutera Mekanikal Gred JA29	8538	017-5137608	Rozia.jkr@1govuc.gov.my

SEKSYEN PERUNDING PENYENGGARAAN FASILITI

1	MAZIAH BINTI ABU HASSAN, Jurutera Awam Kanan Gred J48	7945	019-2251001	maziahah@jkr.gov.my
2	NURHAYATI BINTI ABDUL HAMID, Juruukur Bangunan Gred J44	8611	012-4512099	HayatiAH.jkr@1govuc.gov.my
3	Ir. ILIAS BIN ABDULLAH, Jurutera Awam Gred J41	7898	016-2781059	ilias.jkr@1govuc.gov.my
4	ZULZANI BIN EBON, Penolong Jurutera Mekanikal Gred JA38	8103	013-7576049	zulzani.jkr@1govuc.gov.my

UNIT PEMBANGUNAN KAPASITI & TRANSFORMASI (UPKT)

BIL	NAMA	SAMB	TELEFON BIMBIT	EMEL
1	Ir. SITI NORLEHA BINTI RASID, Jurutera Awam Penguasa Kanan Gred J54	7603	012-2046 369	NORLEHA@jkr.gov.my
2	KOSONG, Setiausaha Pejabat			
3	WAN NORISA BINTI WAN YUSOFF, Jurutera Awam Penguasa Gred J52	7665	013-3451718	WanNorisa@jkr.gov.my

SEKSYEN KAPASITI DAN KOMPETENSI

1	AHMAD FIKRI BIN MOHAMED OMAR, Jurutera Mekanikal Kanan Gred J48	7609	019-3566427	ahmadfikri@jkr.gov.my
2	Ir. KANITA FOO CHAI, Jurutera Awam Gred J44	7649	019-6437710	kanita@jkr.gov.my
3	MOHD BADRUL HISHAM BIN YUNUS, Penolong Jurutera Awam Gred JA38	7653	019-2494894	badrulhisham.jkr@1govuc.gov.my
4	MAURINE @ MANUIL BIN JOACHIM, Penolong Jurutera Elektrik Gred JA36	7653	010-8087400	maurine@jkr.gov.my

SEKSYEN PEMBUDAYAAN DAN PENERBITAN

1	KOSONG, Jurutera Awam Kanan Gred J48	7604		
2	KOSONG, Arkitek Gred J41	7649		
3	ADNAN BIN ABD AZIZ, Penolong Jurutera Elektrik Gred JA29	7659	017-3092456	AdnanA.jkr@1govuc.gov.my

SEKSYEN PENGURUSAN PERUBAHAN DAN URUSETIA LSB

1	Ir. ASRUL EFFENDI BIN JAMLUS, Jurutera Awam Kanan Gred J48	7888	012-2174393	asrulleffendi@jkr.gov.my
2	SHAHRALIZ BIN ABD HALIM, Penolong Jurutera Elektrik Gred JA36	7657	012-6369498	shahraliz.halim@jkr.gov.my
3	KHARULNIZAM BIN TALIB @ MOHD TALIB, Pen Jurutera Mekanikal Gred JA29	7657	017-4357617	nizamT.jkr@1govuc.gov.my

SEKSYEN PENTADBIRAN DAN PERKHIDMATAN KORPORAT

1	SAMSUWADIHERMAN BIN YUSOF, Jurutera Mekanikal Gred J44	7608	012-2572351	Samsuwadi.jkr@1govuc.gov.my
2	JUHATI BINTI ENDUT, Penolong Jurutera Elektrik Gred JA38	7656	013-4894043	Juhati.jkr@1govuc.gov.my
3	ZULKIFLI BIN ZAINAL ABIDIN, Penolong Jurutera Mekanikal Gred JA29	7659	016-2497492	zulkifli.jkr@1govuc.gov.my

SEKSYEN KEWANGAN BPPA


1	MUHAMMAD RAHMAT BIN BAHARAN, Penolong Jurutera Elektrik Gred JA29	7651	019-2827191	RahmatB.jkr@1govuc.gov.my
2	MOHAMAD HALIM BIN HARUN, Pemandu Kenderaan Gred H11	-	013-6678 967	MdHalim@jkr.gov.my

Carta Organisasi BPPA




BAHAGIAN PERUNDINGAN PENGURUSAN ASET, BPPA

PEJABAT PENGARAH BPPA






**CARTA FUNGSI UNIT
UNIT PERUNDING PENGURUSAN ASET KERAJAAN (UPAK)**






**CARTA FUNGSI UNIT
UNIT PERUNDING PENGURUSAN ASET MENYELURUH (UPAM)**





**CARTA FUNGSI UNIT
UNIT PERUNDING PENGURUSAN FASILITI (UPPF)**





CARTA FUNGSI UNIT UNIT PEMBANGUNAN KAPASITI & TRANSFORMASI (UPKT)



KONVENSYEN PENGURUSAN ASET DAN FASILITI NEGARA (NAFAM 2018)



NAFAM 2018

**High Performance
Forging Ahead**

JAYA INTERNATIONAL
CONVENTION CENTRE (PICC)
PUTRAJAYA

The image shows a man in a dark suit and glasses speaking at a podium. The background features the NAFAM 2018 logo and the text "High Performance Forging Ahead".

Konvensyen Pengurusan Aset dan Fasiliti Negara (NAFAM 2018) anjuran Kementerian Kerja Raya dengan kerjasama Jabatan Kerja Raya (JKR), Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM), Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) serta lain-lain agensi telah berlangsung pada 8 dan 9 Oktober 2018 bertempat di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC), Putrajaya.

Tema penganjuran konvensyen NAFAM 2018 pada kali ini adalah 'High Performance Asset: Forging Ahead'. Tema ini bermaksud memberikan penekanan terhadap pentingnya usaha bersepadau oleh semua pihak berkepentingan dalam bidang pengurusan aset dan fasiliti untuk bekerjasama bagi memastikan aset negara diurus dengan mengambil kira kitaran hayat sepenuhnya aset berkenaan, bermula daripada perancangan, pewujudan, penggunaan, penyenggaraan, pemeriksaan dan berakhir dengan proses pelupusan secara komprehensif.

Konvensyen ini bertujuan untuk Merangka Resolusi dalam memperkasakan dasar dan strategi Pengurusan Aset dan Fasiliti kerajaan. Manakala objektif konvensyen pula adalah:

- Mewujudkan platform perkongsian ilmu dan pengalaman bagi memacu hala tuju perkembangan Pengurusan Aset; Negara;
- Merangka pelan strategik pembangunan industri Pengurusan Aset dan Fasiliti Nasional yang lebih mampan dan berprestasi tinggi;
- Meneroka teknologi inovatif dan kecanggihan pengurusan aset dalam Era Revolusi Industri 4.0; dan
- Merintis peluang-peluang baharu dalam Industri Pengurusan Aset dan Fasiliti di peringkat global.

Menteri Kerja Raya, YB Tuan Baru Bian telah berbesar hati untuk menyampaikan ucapan perasmian seminar ini yang dihadiri oleh pelbagai kementerian, agensi kerajaan dan swasta. Konvensyen ini diadakan khusus untuk pihak yang terlibat dalam pengurusan fasiliti.

Konvensyen NAFAM 2018 ini dihadiri lebih 1,200 peserta mewakili pelbagai kementerian, kerajaan negeri, agensi kerajaan dan swasta, badan profesional, penggiat industri, golongan akademik serta pelajar-pelajar pascasiswazah. Konvensyen ini telah berlangsung selama dua hari dan menghimpunkan seramai 38 pembentang kertas kerja yang terdiri daripada



18 pakar dan penggiat industri dari dalam negara, empat (4) pakar antarabangsa dari United Kingdom, Australia, Amerika Syarikat dan Singapura yang terlibat secara langsung dalam menggubal dasar berkaitan pengurusan aset dan pembentangan lisan oleh 16 pelajar pascasiswazah.

Selain itu, konvensyen ini turut disertai oleh 30 pemamer yang terdiri daripada pelbagai organisasi mewakili agensi kerajaan, pembekal perkhidmatan swasta, pembekal peralatan dan badan-badan profesional. Buat julung kalinya, konvensyen ini turut mengadakan aktiviti poster presentation daripada pelajar pascasiswazah.

Selain daripada itu, satu sesi pra-konvensyen juga telah diadakan pada 2 dan 3 Oktober 2018 di Bangi-Putrajaya Hotel. Pra-konvensyen ini membincangkan berkaitan perkara berikut:

1. Outsourcing Strategy for Government's Asset & Facility Management; dan
2. Optimization of Asset and Facility Management Budgeting Through Integrated Asset Planning.

Dengan pengalaman, kepakaran dan pengetahuan yang dimiliki oleh para

penceramah, konvensyen ini merupakan platform yang sesuai untuk bertukar pendapat, idea dan khidmat nasihat dalam memantapkan lagi bidang pengurusan fasiliti di sektor awam khususnya dan peringkat negara amnya.

Resolusi yang telah dicapai sepanjang Konvensyen NAFAM 2018 adalah seperti berikut:

1. Mewujudkan sebuah institusi pengurusan aset dan fasiliti;
2. Menyediakan model strategik perolehan berdasarkan Total Life Cycle Asset Management;
3. Mewujudkan kerangka strategic ke arah Revolusi Industri 4.0;
4. Menambahbaik kaedah perancangan dan penyediaan bajet; dan
5. Memperkuuh dasar asset monetization bagi menjana pendapatan aset Kerajaan.

Dengan terzahirnya Konvensyen NAFAM 2018 ini, diharapkan agar semua pihak dapat berganding bahu untuk meneruskan usaha dalam melaksanakan pengurusan aset bertaraf dunia, mampu menjaga dan melindungi segala aset milik kerajaan dan negara dengan lebih seragam, sistematis dan efisien.



NATIONAL ASSET &
FACILITY MANAGEMENT
CONVENTION

**High Performance Asset:
Forging Ahead**

8 & 9
OCTOBER 2018

PUTRAJAYA INTERNATIONAL
CONVENTION CENTRE (PICC)

www.nafam.org.my





SEMINAR ON PROACTIVE MAINTENANCE FOR DESIGNERS

4 September 2018



Bahagian Perundingan Pengurusan Aset (BPPA), Cawangan Perancangan Aset Bersepadu (CPAB) telah menganjurkan seminar yang bertajuk *Seminar On Proactive Maintenance For Designers* di Institut Latihan Perindustrian (ILP), Kuala Lumpur pada 4-5 September 2018.

Program selama dua (2) hari ini telah dirasmikan oleh YBrs. Ir. Harjit Singh a/l Inder Singh, Pengarah Bahagian Perundingan Pengurusan Aset dan disertai oleh seramai 170 orang terdiri daripada Pasukan Projek (HOPT) dan Pasukan Perekabentuk (HODT) projek-projek JKR.

Sebanyak sebelas (11) kertas pembentangan telah disampaikan oleh penceramah-penceramah yang terdiri daripada para akademik dari luar negara dan juga pegawai-pegawai JKR yang mempunyai kepakaran dan pengetahuan luas dalam bidang pengurusan aset dan fasiliti. Antara

penceramah yang terlibat adalah Dr. Kang Kok Hin (National University of Singapore (NUS)), Ir. Syed Jaafar Idid Bin Syed Abdyllah Idid (JKR Wilayah Persekutuan Putrajaya), dan SME dari Caw. Perancangan Aset Bersepadu iaitu Tn. Ir. Hj. Mohd Sabri Bin Mat Deris, Tn. Hj. Mohd Ilhami Bin Idrus, Pn. Noorsyarini Rosaria Binti Noordin, Pn. Nor Sadilah Binti Sadikun, Pn. Salawati Binti Sallan, Pn. Junaidah Binti Rosli dan En. Mohd Zulhairi Bin Awang @ Hashim.

Seminar ini telah memberi peluang kepada para peserta untuk berkongsi ilmu dan pengetahuan serta pendedahan berkenaan amalan penyenggaraan pro aktif di peringkat perancangan dan rekabentuk kepada Pasukan Projek dan Pasukan Perekabentuk projek-projek JKR bagi memastikan rekabentuk JKR mengambilkira rekabentuk kebolehsenggaraan dan amalan terbaik penyenggaraan pro aktif ke arah pewujudan aset berprestasi tinggi.



aktiviti **BPPA** 2018

Perluasan TPATA Kepada JAKIM

Tarikh	18 Januari 2018
Objektif	Memberikan pendedahan dan pengetahuan berkenaan Konsep Pengurusan Aset Tak Alih (PATA).

Mesyuarat Pemurnian Pindaan Dokuman TPATA

Tarikh	6-7 Mac 2018
Tempat	Dewan Giat Bestari, BPPA
Objektif	Bagi mengemaskini kesesuaian terma Glosari yang boleh diguna pakai oleh semua kementerian tanpa maksud yang bertindih dan lebih jelas.

Peluasan TPATA Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM)

Tarikh	18-20 Mac 2018
Tempat	BDB Darul Aman Golf Resort, Jitra, Kedah
Objektif	Memberikan pendedahan dan pengetahuan berkenaan Konsep Pengurusan Aset Tak Alih (PATA).

Mesyuarat Pemurnian Dokuman Glosari TPATA

Tarikh	16-18 April 2018
Tempat	JKR Cawangan Mekanikal Pulau Pinang
Objektif	Bagi mengemaskini kesesuaian terma Glosari yang boleh diguna pakai oleh semua kementerian tanpa maksud yang bertindih dan lebih jelas.



Perluasan TPATA Jabatan Muzium Negara

Tarikh	5 April 2018
Tempat	Pejabat Jabatan Muzium Negara
Objektif	Memberikan pendedahan dan pengetahuan berkenaan Konsep Pengurusan Aset Tak Alih (PATA).

Perluasan TPATA Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)

Tarikh	25-27 April 2018
Tempat	Pulai Springs Resort, Pulai, Johor
Objektif	Memberikan pendedahan dan pengetahuan berkenaan Konsep Pengurusan Aset Tak Alih (PATA).

Bengkel TTT PSPA (O)

Tarikh	9-11 April 2018
Tempat	PJD Kuala Lumpur
Objektif	Tatacara @ hand-on pengisian borang yang tedapat pada Pelan Strategi Pengurusan Aset (Operasi) seperti mana di dalam TPATA.

Mesyuarat Penyelarasan Tadbir Urus Unit Pengurusan Fasiliti (UPF) Bagi Pengurusan Aset Tak Alih (PATA) Bil.1/2018

Tarikh	1-3 Mei 2018
Tempat	Langkawi, Kedah
Objektif	<ul style="list-style-type: none"> Menentusahkan struktur tadbir urus UPF di setiap Kementerian/Jabatan/Agenzia (KJA) berdasarkan Tatacara Pengurusan Aset Tak Alih (TPATA). Membincangkan perjawatan UPF berdasarkan norma yang telah ditetapkan oleh Urusetia JPAK. Mengemaskini kertas cadangan dan justifikasi perjawatan untuk tujuan memohon kelulusan perjawatan baru kepada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).



Mesyuarat Peralihan Peranan Urusetia Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan (JPAK) daripada JKR Kepada Agensi Pusat

Tarikh	16 Julai 2018
Tempat	Kementerian Kewangan Malaysia
Objektif	Mendapatkan persetujuan agar peranan urusetia JPAK (di bawah JKR) dalam merangka dasar dan memantau keberkesanannya PATA dilaksanakan di peringkat Agensi Pusat.



Kursus *Hands On* TPATA bagi JKR Perlis

Tarikh	25-27 Julai 2018
Tempat	JPS Ampang, Selangor
Objektif	Memberikan pendedahan dan pengetahuan berkenaan Konsep Pengurusan Aset Tak Alih (PATA) dan tatacara pengisian borang seperti mana yang terdapat di dalam TPATA.



Bengkel Hala Tuju dan Pelan Bisnes Strategik PATA Bil. 1/2018

Tarikh	2 Ogos 2018
Tempat	Kementerian Kewangan Malaysia
Objektif	Membincangkan pelan bisnes strategik PATA.



Bengkel Hala Tuju dan Pelan Bisnes Strategik PATA Bil. 2/2018

Tarikh	8-9 Ogos 2018
Tempat	Kementerian Kewangan Malaysia
Objektif	Membincangkan pelan bisnes strategik PATA.



Mesyuarat Penyelarasan Tadbir Urus Unit Pengurusan Fasiliti (UPF) bagi Pengurusan Aset Tak Alih (PATA) Bil. 2/2018

Tarikh	13 Ogos 2018
Tempat	Bilik Mesyuarat Nilam 1, Blok G, KKR 2
Objektif	Mesyuarat tersebut diadakan untuk mendapatkan maklumbalas setiap kementerian berhubung status permohonan perjawatan UPF bagi Kementerian termasuk di peringkat Jabatan dan juga Agensi.

Perlaksanaan Projek Rintis bagi Penilaian Prestasi dan Penarafan Bangunan (BPA)

Tarikh	12-16 Mac 2018
Tempat	Bilik Latihan Giat Bestari dan Ruang Perbincangan Aras 4
Objektif	Menjalankan program rintis Penilaian Prestasi dan Penarafan Bangunan (BPA) bagi 3 parameter yang terdapat dalam Garis Panduan Penilaian Prestasi dan Penarafan Bangunan (BPA) untuk Blok C Lama, Ibu Pejabat JKR Malaysia.



Mesyuarat Pembentangan Pelaksanaan Penilaian Prestasi Bangunan (*Building Performance Assessment – BPA*)

Tarikh	19-22 Mac 2018
Tempat	Unit Tentera, JKR Negeri Sembilan
Objektif	Mesyuarat bagi menilai seterusnya penambahbaikan program Penilaian Prestasi dan Penarafan Bangunan (BPA) berdasarkan program rintis BPA di Blok C Lama, Ibu Pejabat JKR Malaysia.



Bengkel Penyelarasan Semula Garis Panduan Reka Bentuk Kebolehsenggaraan – *Integrated Services Above Ceiling*

Tarikh	25-26 April 2018
Tempat	Bilik Latihan Giat Bestari
Objektif	Penyelarasan semula Garis Panduan Reka Bentuk Kebolehsenggaraan – <i>Integrated Services Above Ceiling</i> berdasarkan keperluan penyenggaraan semasa.



Bengkel TTT Penilaian Prestasi dan Penarafan Bangunan (BPA) Negeri

